

DIDIKAN CINTA RASULULLAH SAW DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

(CULTIVATING THE LOVE OF THE PROPHET PBUH AMONG SECONDARY
SCHOOL STUDENTS)

Bhasah Abu Bakar¹, Yuslina Mohamed², Nurhasma Muhamad Saad³, Sulaiman Ismail⁴, Mesbahul Hoque⁵

^{2,3,4} Faculty of Major Language Studies, Islamic Science University of Malaysia, Bandar Baru Nilai 78100, Nilai Negeri Sembilan, Malaysia.

⁵Senior Lecturer, Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Islamic Science University of Malaysia, Bandar Baru Nilai 78100, Nilai Negeri Sembilan, Malaysia

*Corresponding author: Email: yuslina@usim.edu.my

Article Info

Received:

27 Jun 2022

Accepted:

26 August 2022

Published:

30 August 2022

DOI:

<https://doi.org/10.33102/alazkiyaa.v1i1.13>

ABSTRAK

Cinta Rasulullah SAW membawa maksud cuba mengemulasi Rasulullah SAW dari semua aspek kehidupannya. Natiujahnya akan membentuk seorang insan yang benar-benar menghayati Islam dalam kehidupan sehariannya. Dengan demikian, pelajar-pelajar sekolah haruslah dididik untuk menjadikan Islam sebagai cara hidup mereka melalui Cinta Rasulullah SAW dengan mengenali pemimpin ikon islam agar dapat menjiwai dalam kehidupan seharian. Untuk tujuan ini seramai 2407 pelajar dari pelbagai aliran sekolah menengah di Malaysia telah dibuat kajian tentang cinta mereka terhadap Rasulullah SAW. Pengukuran cinta mereka terhadap Rasulullah SAW ini dibuat berdasarkan kekerapan mereka mengamalkan cara hidup Rasulullah SAW. Instrumen dari Bhasah et al (2011) telah digunakan untuk mendapatkan data dari beberapa aspek amalan Rasulullah SAW. Kebolehpercayaan instrument adalah pada Cronbach Alfa 0.96. Kajian mendapati bahawa, tahap Cinta Rasulullah SAW bagi pelajar sekolah menengah adalah memuaskan, pada tahap min 3.00 dengan sisihan piawai 0.36 pada skala 4. Partisipan dari Sekolah Menengah Agama menunjukkan tahap Cinta Rasulullah SAW yang lebih tinggi berbanding dengan partisipan dari sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Menengah Harian. Ini diperkuatkan lagi dengan perbezaan min antara sekolah-sekolah berkenaan adalah signifikan statistik dengan nilai $F(2,2373) = 69.872$, $p < 0.001$. Seramai 8% pelajar dapat menunjukkan Cinta Rasulullah SAW yang amat sangat dan terdapat kurang dari 10% pelajar masih lagi pada tahap Cinta Rasulullah SAW yang kurang. Hampir 80% pelajar telah menunjukkan Cinta Rasulullah SAW yang begitu memuaskan. Pelajar perempuan (min = 3.0077, sp = 0.365) menunjukkan Cinta Rasulullah SAW yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar lelaki (min = 2.9886, sp = 0.391), namun perbezaannya tidaklah signifikan statistik dengan nilai-t (2389) = - 1.213, $p > 0.05$.

Kata kunci: Cinta Rasul, taat, amalan harian, pelajar sekolah.

ABSTRACT

The love of Rasulullah SAW means trying to emulate Rasulullah SAW from all aspects of his life. As a result, someone will form very good Islamic practice in daily life. Thus, school students should be educated to make Islam their way of life through the Love of Rasulullah SAW by knowing Islamic icon leaders and emulate him in their daily lives. For the purpose of study, 2407 students in total from various secondary schools in Malaysia have been surveyed about their love for the Prophet SAW. The measurement of their love for the Prophet SAW is made based on how often they practice the way of life of the Prophet SAW. Instruments from Bhasah et al (2011) were used to obtain data from several aspects of the Prophet's practice. The reliability of the instrument is at Cronbach Alpha 0.96. The study found that the level of love for the Prophet SAW for secondary school students was satisfactory, at a mean level of 3.00 with a standard deviation of 0.36 on a scale of 4. Participants from Religious High Schools showed a higher level of Love for the Prophet SAW compared to participants from boarding schools and daily secondary schools. This is reinforced by the mean difference between the schools in question being statistically significant with a value of $F(2,2373) = 69.872, p < 0.001$. As many as 8% of students were able to show the love of Rasulullah SAW very high and there are less than 10% of students who are still at the level of love of Rasulullah SAW which is less. Almost 80% of students have shown the love of Rasulullah SAW which is so satisfying. Female students (mean = 3.0077, sp = 0.365) showed a higher Love of the Prophet SAW compared to male students (mean = 2.9886, sp = 0.391), but the difference was not statistically significant with a t-value (2389) = - 1.213, $p > 0.05$.

Keywords: *Love of Rasulullah, obedience, daily practice, school student*

PENDAHULUAN

Konsep Cinta Rasulullah SAW termaktub dan tersirat dalam Falsafah Pendidikan Islam yang berbunyi, "*Pendidikan Islam adalah satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah, bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan di akhirat.*" (Huraikan Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSM, 2002)

Berdasarkan Falsafah Pendidikan Islam ini, pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah adalah bertujuan untuk: (i) menjadikan Pendidikan Islam lebih berkesan dari segi implikasi dan penghayatan terutama berkaitan dengan fungsi Pendidikan Islam sebagai benteng ketahanan diri murid dari segi akidah dan akhlak; (ii) mewujudkan perkaitan di antara teori dan praktis; (iii) memastikan murid-murid bukan sahaja tinggi pencapaian dalam peperiksaan, tetapi tinggi juga tahap amalan dan penghayatan; (iv) menjadikan skop Pendidikan Islam merangkumi semua aspek asas fardhu 'ain dan aspek-aspek utama fardhu kifayah khususnya dari segi sumbangan Pendidikan Islam terhadap pembangunan tamadun bangsa dan negara dan (v) meringankan beban murid, khususnya yang lambat dalam proses pembelajarannya, terutama dalam aspek hafazan ayat al-Quran.

Selaras dengan ini, para penyelidik telah menggunakan buku-buku teks Pendidikan Islam yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka untuk dijadikan rujukan dalam menyediakan

item-item untuk soalselidik sebagai konstruk penerapan nilai Islam melalui mata pelajaran Pendidikan Islam.

Di sini kita dapat lihat bahawa matlamat Pengajian Islam di peringkat sekolah rendah dan menengah adalah untuk memastikan semua pelajar Islam di Malaysia dapat dididik dalam menghayati Islam dengan sebaik mungkin dan dapat mengamalkannya dalam kehidupan seharian mereka. Sebagai umat Rasulullah SAW Muhammad SAW, orang-orang Islam dikehendaki mengikuti atau mengamalkan segala sunnah Rasulullah SAW dalam perbuatan, percakapan dan termasuk juga cara Rasulullah SAW berfikir apabila baginda berdepan dengan sesuatu perkara. Melakukan apa yang Rasulullah SAW lakukan akan mendapat pahala sunnah. Cinta sebenar yang harus dizahirkan seseorang bergelar Muslim merangkumi dua perkara asas: Pertama, beriman kepada Rasulullah SAW iaitu dengan mentaati, mengikuti, mempraktikkan sunnah Baginda SAW tanpa bantahan dan keraguan. Ini sesuai dengan hadis Baginda SAW yang bermaksud: “*Sesungguhnya telah aku tinggalkan dua perkara bagi kamu sehingga kamu tidak akan tersesat selamanya jika berpegang teguh dengan kedua-dua perkara itu, (iaitu) Kitabullah dan sunnahku.*” (Riwayat Imam al-Hakim) Dalam hadis lain, Rasulullah bersabda yang bermaksud: “*Berpegang teguhlah kamu kepada sunnahku dan sunnah Khulafa’ al-Rasyidin setelahku, gigitlah dengan geraham (dengan kuat) dan waspadalah dari hal-hal yang baru, kerana semua yang baru (bid’ah) adalah kesesatan.* (Hadis Abu Dawud (460), Al Tirmizi (2676), Ibnu Majah (44)). Kedua, beriman dengan Rasulullah SAW iaitu dengan tidak menolak sunnah Rasulullah SAW. Ini kerana ramai di antara masyarakat kita yang mengaku mencintai Rasulullah SAW tetapi dalam masa yang sama menolak beberapa sunnah Baginda SAW.

LATAR BELAKANG

Maksud Cinta Rasulullah SAW

Maksud Cinta Rasulullah SAW seperti yang diterangkan oleh para ulama adalah seperti yang dijelaskan oleh al-Azhari yang berkata, “*Erti cinta seorang hamba kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW adalah mentaati dan mengikuti perintah Allah dan Rasulnya.*” Di samping itu, Al-Baidhawi juga berkata, “Cinta adalah keinginan untuk taat.” Ini juga disebut oleh Ibnu Arafah, yang berkata, “*Cinta menurut istilah orang Arab adalah menghendaki sesuatu untuk meraihnya.*” Begitu juga halnya dengan al-Zujaj yang berkata bahawa “*Cintanya manusia kepada Allah dan Rasulnya adalah mentaati keduanya dan redha terhadap segala perintah Allah dan segala ajaran yang dibawa Rasulullah SAW*” [Min Muqawwimat an-Nafsiyyah al-Islamiyyah, ms 40, Hizbu al-Tahrir]. Perlu difahami bahawa mencintai Allah SWT dan Rasulullah SAW adalah satu kewajipan, malah wajib melebihi kecintaan kita kepada sesiapa sahaja di dunia ini.

Firman Allah SWT yang bermaksud “*Katakanlah (wahai Muhammad), ‘Jika bapa-bapa kamu, anak-anak kamu, saudara-saudara kamu, isteri-isteri dan kaum keluarga kamu, serta harta dan kekayaan yang kamu usahakan, perniagaan yang kamu bimbang akan merosot dan rumah-rumah tempat tinggal yang kamu sukai, (jika semuanya itu) menjadi perkara yang kamu lebih cintai daripada Allah dan Rasulnya, maka tunggulah sampai Allah mendatangkan keputusan (azab) Nya.’ Dan Allah tidak memberikan petunjuk kepada orang-orang yang fasik*” [TMQ al-Taubah (9): 24]. Ayat ini menjadi dalil bahawa setiap Muslim wajib meletakkan kecintaan kepada Allah SWT dan Rasulnya pada kedudukan yang paling tinggi, malah kecintaan kepada Allah dan Rasulnya ini sekali gus menjadi parameter untuk mengukur kadar

keimanan seseorang Muslim itu. Kefahaman yang senada dinyatakan dalam hadis yang diriwayatkan dari Anas RA di mana ia berkata Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Tidak beriman seorang hamba hingga aku lebih dicintainya daripada keluarganya, hartanya dan seluruh manusia lainnya” [HR Mutafaq ‘Alaih]. Kecintaan kita kepada Rasul SAW wajib melebihi daripada kecintaan kepada diri kita sendiri. Abdullah bin Hisyam berkata, *“Kami bersama Rasulullah SAW, sementara baginda memegang tangan Umar bin al-Khathab. Umar berkata, ‘Wahai Rasulullah, sungguh engkau lebih aku cintai daripada segala sesuatu kecuali dari diriku sendiri.’ Rasulullah SAW bersabda, ‘Bukan begitu! Demi Allah, hingga aku lebih engkau cintai daripada dirimu sendiri.’ Maka Umar berkata, ‘Sesungguhnya mulai saat ini, demi Allah, engkau lebih aku cintai daripada diriku sendiri.’* Lalu Rasulullah SAW bersabda *‘Sekarang engkau benar wahai Umar’* [HR Bukhari]. Imam Nawawi menukil dalam Syarah Muslim tentang erti Cinta Rasulullah SAW dari Abu Sulaiman al-Khathabi. Dalam syarah itu dikatakan, *“...engkau tidak dikatakan benar-benar mencintaiku hingga dirimu binasa dalam taat kepadaku dan engkau lebih mementingkan redhaku daripada hawa nafsumu, meski engkau harus binasa kerananya.”* Manisnya iman hanya akan dapat dirasai oleh seseorang Muslim jika dia telah menjadikan kecintaan kepada Allah dan Rasulnya melebihi daripada kecintaannya kepada yang lain. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud, *“Ada tiga perkara yang siapa yang memilikinya, ia telah menemukan manisnya iman - orang yang mencintai Allah dan Rasulnya lebih daripada yang lainnya; orang yang mencintai seseorang hanya kerana Allah; orang yang tidak suka kembali pada kekufuran sebagaimana ia tidak suka dilemparkan ke dalam neraka”* [HR Mutafaq ‘Alaih].

Tanda Cinta Rasulullah SAW ialah kita sering mengingati baginda dengan cara berselawat kepadanya. Tanda yang lain pula ialah kita cinta pada hadith, ilmu hadith, ambil berat tentang setiap apa yang Baginda SAW ajarkan kepada kita. Begitu juga, kita sebagai penyambung tugas baginda iaitu menyampaikan Islam dan berkongsi Islam dengan semua manusia. Yang paling penting, tanda Cinta Rasulullah SAW ialah kita mengikut sunnahnya dalam setiap perbuatan dan tingkah laku seharian dalam hidup kita. Firman Allah s.w.t dalam Surah ‘Aal ‘Imran ayat 31: (Qura’n 2:31)

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ ۗ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ

Bermaksud: *Katakanlah (Wahai Muhammad): "Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah aku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.*

Menurut al-Mahamid (1996) ayat ini menunjukkan perkaitan antara Cinta Allah SWT dengan Cinta Rasulullah SAW. Orang-orang yang berhak memperoleh Cinta Allah SWT adalah orang-orang mengikut sunnah Rasulullah SAW dengan sepenuh hati cinta kepada Rasulullah SAW sehingga memiliki akhlak Islamiyyah yang sempurna sebagaimana yang ditunjukkan oleh Baginda SAW sebagai *Quwah Hasanah* (al-Hilali, 2007). Mereka mempunyai ciri-ciri yang disenaraikan dengan jelas dalam ayat-ayat menyatakan sesungguhnya Allah SWT mencintai orang-orang yang bertaubat dan orang-orang yang bersuci [al-Baqarah: 222], orang-orang yang bertakwa [‘Aal ‘Imran: 76], orang-orang yang baik [‘Aal ‘Imran: 134], orang-orang

yang sabar [‘Aal ‘Imran: 146], orang-orang yang bertawakkal [‘Aal ‘Imran: 159] dan orang-orang yang adil [al-Ma’dah: 42]. Dengan ini, Cinta Allah SWT akan meninggikan kedudukan manusia setinggi langit (al-Sisi, 1998). Kecintaan ini jelas dibahaskan dalam kalam suci yang membuktikan bahawa keaslian ayat yang berkait rapat dengan kecintaan terhadap baginda Rasulullah (Yuslina M et al, 2013).

Cara Menunjukkan Cinta kepada Rasulullah SAW

Terdapat beberapa cara untuk umat Islam menunjukkan kecintaan mereka kepada junjungan besar yang kita kasihi ini. Allah SWT berfirman yang bermaksud “*Sesungguhnya telah ada pada diri Rasulullah itu suri teladan yang baik bagi kamu*” (al-Ahzab: 21). Dari pengertian ayat ini dapat difahami bahawa satu-satunya contoh yang wajib diikuti oleh umat Islam ialah Rasulullah SAW dan baginda wajib dicontohi oleh umat Islam dalam segenap aspek, bukan hanya dalam aspek-aspek tertentu sahaja. Islam adalah satu agama sekali gus sebuah ideologi dan cara hidup yang unik. Al-Quran dan al-Sunnah, yang menjadi landasan dalam kehidupan umat Islam, secara jelas direpresentasikan secara utuh oleh peribadi Rasulullah SAW. Dengan kata lain, Muhammad SAW merupakan ikon untuk kita memahami praktis tentang Islam secara keseluruhan dari A hingga Z. Di samping itu, kita diseru agar mencintai peribadi yang mulia lagi agung ini. Kecintaan kita kepada baginda tidak cukup hanya melalui tataran batiniah (kalbu) sahaja, tetapi wajib dizahirkan melalui aktiviti lahiriah (fizikal), iaitu dengan mengikut setiap perilaku baginda dari sekecil-kecil hinggalah sebesar-besarnya. Kewajipan untuk meneladani dan mencintai baginda tidak boleh sekali-kali dibataskan hanya pada hal ibadat dan akhlak sahaja tetapi wajib dimanifestasikan dalam seluruh aktiviti kehidupan seperti pemerintahan, ekonomi, pendidikan, pergaulan, politik, jihad dan kesemuanya. Kali ini marilah kita sama-sama melihat bagaimanakah cara yang benar untuk kita menunjukkan kecintaan kita kepada junjungan besar yang kita kasihi ini.

Kenapa Kita Mesti Mencintai Rasulullah SAW?

Pertamanya, kerana Rasulullah SAW terlalu cinta kepada kita. Apa bukti Rasulullah SAW sangat cinta pada kita? Sebelum Rasulullah SAW wafat, antara perkataan akhir Rasulullah SAW ialah “*ummati, ummati*” (umatku, umatku) umat Rasulullah SAW itu kitalah. Menurut satu riwayat lain, ketika Rasulullah SAW dibangkitkan di Padang Mahsyar kelak antara perkataan pertama Rasulullah SAW tanya kepada malaikat Jibril ialah “*Di mana umatku?*” Rasulullah SAW juga pernah menyatakan dalam satu hadis yang bermaksud: “*Bahagialah siapa yang melihat ku dan beriman padaku*” kemudian Rasulullah SAW sebut tiga kali: “*Bahagialah, bahagialah, bahagialah siapa yang tidak melihatku tapi beriman denganku.*”

Kedua, orang yang tidak berpeluang melihat Rasulullah SAW tapi beriman pada Rasulullah SAW, antaranya kitalah, Rasulullah SAW puji kita tiga kali. Sebab kedua kenapa mesti mencintai Rasulullah sebab Cinta Rasulullah SAW tanda sempurnanya iman seseorang Muslim. Ini bermakna sekiranya tidak mencintai Rasulullah SAW, maka tidak sempurnalah iman kita.

Ketiga, Rasulullah SAW sangat banyak jasa kepada kita, jasa Rasulullah SAW bukan sembarangan, bukan kecil, tak boleh ditebus dengan wang ringgit. Jasa Rasulullah SAW pada kita kerana memperkenalkan siapa Tuhan kita yang sebenar. Rasulullah SAW sanggup berkorban harta, isteri baginda jadi miskin, bergadai untuk membuat modal bagi menjalankan dakwah. Rasulullah berjuang mendidik pelapis agar ada penyambung generasi hingga Islam sampai ke zaman kita. Itulah antara perkara kenapa kita perlu bersyukur dikurniakan nikmat iman dan

Islam sedangkan bapa saudara Rasulullah SAW sendiri, Abu Talib, walaupun Rasulullah SAW sudah melakukan dakwah tetapi masih tidak berpeluang merasai nikmat Islam. Jadi begitu mahalny nilai Islam ini sebenarnya kepada kita semua. Kemudian, kita mesti mencapai Cinta Rasulullah SAW sebab Rasulullah SAW makhluk Allah yang maksum, yang tidak ada salah apatah lagi cacat cela.

Rasulullah SAW terpelihara daripada segala ʿaib. Malahan baginda mendapat al-Quran sebagai mukjizat dan sebagai panduan. Jelas sekali mencintai Rasulullah SAW bermakna kita mencintai seorang yang agung dan amat mulia. Justeru cintailah Rasulullah Muhammad SAW kerana baginda membimbing kita kepada kebenaran, menghuraikan ayat-ayat al-Quran agar kita mudah memahaminya, Rasulullah SAW juga tidak jemu-jemu memberi nasihat agar umatnya selamat dan berbahagia di dunia dan akhirat. Akhir sekali kenali Rasulullah SAW dengan mempelajari sirah nya, memahami hadisnya dan cintailah Rasulullah SAW dengan mencintai apa yang dicintainya. Rasulullah Muhammad SAW patut diikuti dan disayangi sebab pada Baginda SAW ada segala-galanya. Baginda paling cantik dan dialah yang paling hebat. Cuma kita saja tak tahu kerana tidak baca secara mendalam perjalanan sirah Rasulullah SAW dan jika baca pun sambil lalu saja. Rasulullah SAW cemerlang dalam pelbagai dimensi. Sirah Rasulullah SAW lengkap daripada mula lahir, ketika kanak-kanak, remaja, dewasa sehingga tua dan wafat. Kehebatan Baginda cukup terserlah sejak dari kelahiran, ketika kanak-kanak, remaja, dewasa sehingga Baginda tua dan wafat. Daripada orang biasa, baginda mengasaskan kemudian mengembangkan agama yang terhebat di dunia.

OBJEKTIF KAJIAN.

Tujuan utama kajian ini dibuat adalah untuk melihat setakat mana kasih sayang pelajar-pelajar Islam di peringkat sekolah menengah menunjukkan tahap sayang mereka terhadap Rasulullah SAW yang menjadi pembimbing mereka di dunia dan akhirat. Pengukuran yang dibuat di sini adalah dari aspek kepatuhan mereka dalam menghayati suruhan Islam itu sendiri – Sunnah Rasulullah - dalam kehidupan mereka selaras dengan asas Islam itu adalah *addin* – satu bentuk cara hidup yang dapat memandu mereka untuk mencari keredhaan ilahi semasa di dunia ini.

METODOLOGI KAJIAN.

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian terdiri dari pelajar-pelajar dari sekolah menengah di Tingkatan 1, Tingkatan 2 dan Tingkatan 4. Untuk memastikan penyelidik mendapatkan sampel yang representatif dan menepati dengan kehendak kajian, penyelidik telah menggunakan *stratified random sampel* berdasarkan; peringkat pembelajaran, jenis sekolah, dan negeri. Penyelidik telah menstratakan pelajar kepada: Tingkatan 1, Tingkatan 2 dan Tingkatan 4. Adalah menjadi dasar KPM tidak membenarkan partisipan dari Tingkatan 3 dan Tingkatan 5 turut sama dalam penyelidikan ini. Dari aspek jenis sekolah kami telah membahagikan kepada (i) sekolah menengah kebangsaan, (ii) sekolah menengah sains, (iii) sekolah menengah teknik dan vokasional dan (iv) sekolah menengah agama (SMKA/SMAT). Semua sekolah ini juga telah dipilih secara rawak dari semua negeri mengikut perkadaran jenis sekolah.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian terdiri dari dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A adalah untuk mendapatkan maklumat latarbelakang sekolah dan partisipan dan bahagian B untuk mendapatkan konstruk kajian (kekerapan partisipan mencontohi amalan yang dilakukan oleh Rasulullah). Item-item yang dipilih merupakan item-item yang bersesuaian dan bertepatan dengan konstruk kajian - kekerapan partisipan mengamalkan akhlak Rasulullah (Bhasah et al, 2010).

Pengukuran Tahap Mencintai Rasulullah.

Tahap pengukuran ini adalah satu pengukuran yang amat abstrak. Ia meletakkan tahap Cinta Rasulullah itu pada satu *continuum* keluk normal yang berdasarkan kepada sisihan piawai bagi sesuatu taburan normal. Mean bagi taburan itu digunakan sebagai paksi utama dalam menentukan tahap Cinta Rasulullah, dimana skor mean berkenaan dianggap sebagai Cinta yang berteraskan kepada amalan yang dilakukan secara *wasatiah* (sederhana) oleh kebanyakan umat Islam. Lantaran itu, sisihan piawai telah digunakan sebagai unit pengukuran bagi setiap tahap Cinta Rasulullah. Lantaran itu, Jadual 1 dibawah menjelaskan tahap-tahap Cinta Rasulullah yang berkenaan.

Jadual 1: Kategori Cinta Rasulullah Berdasarkan Skala Keluk Normal.

| Aras | Skor | Makna |
|------|-------------------|---------------------------------------|
| 1 | 1.00000 – 2.24996 | Amat Kurang Mencintai Rasulullah (2%) |
| 2 | 2.24997 – 2.62508 | Kurang Mencintai Rasulullah (14%) |
| 3 | 2.62509 – 3.37531 | Cinta Rasulullah (68%) |
| 4 | 3.37532 – 3.75042 | Amat Mencintai Rasulullah (14%) |
| 5 | 3.75043 – 4.00000 | Teramat Mencintai Rasulullah (2%) |

Jadual 2: Kategori Cinta Rasulullah Berdasarkan Skala Linear.

| Aras | Skor | Tahap Amalan | Makna |
|------|-------------|----------------------------|----------------------------------|
| 1 | 1.00 – 1.50 | Tidak Pernah/kadang-kadang | Amat Kurang Mencintai Rasulullah |
| 2 | 1.51 – 2.50 | Kadang-kadang /Kerap | Kurang Mencintai Rasulullah |

| | | | |
|---|-------------|-------------------------|---------------------------------|
| 3 | 2.51 – 3.50 | Kadang-kadang /Kerap | Cinta Rasulullah |
| 4 | 3.51 – 4.00 | Kerap Kali | Amat Rasulullah Mencintai |

ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN

Pada peringkat ini instrumen Bhasah (2011) telah diperkemaskan sekali lagi dan difaktor analisis untuk melihat pembentukan faktor baru. Sebanyak 17 sub-konstruk baru telah terbentuk dari instrument berkenaan yang mengandungi sebanyak 77 item sahaja yang lebih memberi tumpuan kepada amalan sunnah para partisipan dalam menghampirikan diri kepada Cinta Rasulullah. Kajian ini mendapati skor mean partisipan (pelajar sekolah menengah) adalah pada 3.0 dengan sisihan piawai 0.375. Penyelidik telah mengukur mengikut dua bentuk pengukuran tentang taburan pelajar dalam kontek Cinta Rasulullah. Seperti yang dijelaskan di atas, seseorang yang mencintai Rasulullah, sewajarnya akan melakukan apa yang dilakukan oleh Rasulullah dengan penuh integrity dan penuh tanggungjawab. Amalan ini merupakan sesuatu amalan yang mencerminkan betapa sayangnya partisipan kepada Rasul. Disini kita akan mengenalpasti amalan partisipan terhadap cinta mereka kepada Rasulullah. Kajian ini didasarkan kepada kekerapan partisipan mengamalkan kepada Rasulullah.

Jadual 3: Ciri-Ciri Amalan Partisipan

| Amalan Mengikuti Sunnah | N | Tidak Pernah | Kadang-Kadang | Keras-keras Kali | Setiap Kali | Min | Sisihan Piawai |
|--|----------|--------------|---------------|------------------|-------------|------|----------------|
| Melakukan apa yang Rasulullah buat | 23 88 | 2.2 | 61.6 | 29.9 | 6.4 | 2.40 | .642 |
| Bersalawat ke atas Rasulullah sebagai tanda kasih kepada baginda | 23 76 | 1.9 | 36.9 | 40.6 | 20.7 | 2.80 | .781 |
| Yakin dengan kuasa Allah | 23 76 | 0.2 | 2.0 | 12.2 | 85.6 | 3.83 | .439 |
| Memohon pertolongan dan petunjuk dari Allah | 23 83 | 0.4 | 10.0 | 28.3 | 61.3 | 3.51 | .688 |
| Solat bila masuk waktu untuk bersolat | 23 83 | 3.1 | 38.9 | 32.8 | 25.2 | 2.80 | .852 |
| Redha dengan apa yang berlaku | 23 83 | 1.0 | 27.7 | 40.9 | 30.5 | 3.01 | .788 |
| Berjemaah di masjid atau di surau | 23 93 | 6.6 | 57.1 | 22.4 | 13.9 | 2.44 | .810 |
| Beri salam sebelum bertanya | 23 85 | 3.6 | 46.0 | 32.1 | 18.3 | 2.65 | .817 |
| Sabar menghadapi ujian dari Allah | 23 73 | 1.2 | 24.9 | 45.7 | 28.2 | 3.01 | .761 |
| Datang awal ke masjid untuk solat Jumaat | 20 35 | 43.2 | 25.7 | 17.6 | 13.4 | 2.01 | 1.070 |
| Melakukan solat sunat Tahiyatul Masjid | 23 40 | 41.4 | 42.4 | 10.8 | 5.5 | 1.80 | .838 |
| Pergi ke masjid untuk bersolat | 23 59 | 9.2 | 50.7 | 23.5 | 16.6 | 2.48 | .875 |
| Menutup aurat semasa bermain | 23 53 | 6.3 | 33.3 | 24.6 | 35.7 | 2.90 | .966 |
| Sabar terhadap apa yang berlaku pada diri sendiri | 23 83 | 0.9 | 21.9 | 43.3 | 33.9 | 3.10 | .764 |
| Membaca salawat | 23 86 | 1.9 | 37.6 | 37.7 | 22.8 | 2.81 | .804 |
| Bila keluar rumah, baca doa | 23 82 | 28.5 | 48.7 | 13.6 | 9.2 | 2.03 | .889 |
| Baca doa sebelum makan | 23 87 | 1.8 | 16.2 | 25.6 | 56.4 | 3.37 | .815 |
| Baca doa semasa nak masuk tandas | 23 93 | 21.6 | 44.1 | 17.8 | 16.5 | 2.29 | .985 |
| Berdoa memohon petunjuk Allah | 23 93 | 1.4 | 20.1 | 34.4 | 44.1 | 3.21 | .808 |
| Menjauhkan diri dari memohon pertolongan syaitan, | 23 74 | 10.3 | 8.3 | 21.1 | 60.3 | 3.31 | 1.000 |
| Berniat sebelum melakukan sesuatu | 23 77 | 2.9 | 31.1 | 36.4 | 29.5 | 2.93 | .848 |
| Bersifat lemah lembut | 23 83 | 5.3 | 44.4 | 36.7 | 13.6 | 2.59 | .788 |
| Bila keluar rumah, memakai selipar atau kasut | 23 84 | 0.3 | 5.1 | 15.9 | 78.6 | 3.73 | .565 |
| Menggunakan tandas dengan betul | 23 71 | 2.5 | 10.7 | | | 3.40 | .777 |
| Mempercayai air gunung boleh menyembuhkan penyakit | 23 30 | 42.7 | 25.2 | 10.9 | 21.2 | 2.11 | 1.172 |
| Memberi salam kepada guru | 23 85 | 0.3 | 13.7 | 33.1 | 53.0 | 3.39 | .727 |
| Berdiri apabila guru bertanya | 23 80 | 0.5 | 18.9 | 38.7 | 41.8 | 3.22 | .762 |
| Membantu guru mengangkat buku atau barang yang berat-berat | 23 82 | 2.4 | 40.6 | 34.8 | 22.3 | 2.77 | .818 |
| Menziarahi orang sakit | 23 88 | 2.4 | 43.9 | 37.0 | 16.7 | 2.68 | .774 |
| Berdampingan dengan orang yang baik-baik | 23 87 | 0.7 | 20.4 | 44.8 | 34.1 | 3.12 | .747 |
| Berkawan dengan mereka yang berakhlak mulia | 23 91 | 0.6 | 17.9 | 43.0 | 38.4 | 3.19 | .742 |
| Bertanya dengan bahasa yang baik | 23 89 | 0.8 | 26.2 | 46.3 | 26.6 | 2.99 | .750 |

| | | | | | | | |
|---|----|------|------|------|------|------|------|
| Berterima kasih dengan pemimpin (ketua) | 23 | 6.0 | 32.6 | 37.3 | 24.1 | 2.80 | .875 |
| | 83 | | | | | | |
| Menghormati pemimpin (ketua) kita | 23 | 2.7 | 25.3 | 38.3 | 32.8 | 3.02 | .829 |
| | 81 | | | | | | |
| Bersifat kasih sayang dengan pemimpin (ketua) kita | 23 | 4.3 | 29.6 | 38.1 | 28.0 | 2.90 | .859 |
| | 82 | | | | | | |
| Merendahkan suara apabila bercakap dengan ibu bapa | 23 | 0.6 | 16.4 | 44.0 | 39.0 | 3.21 | .730 |
| | 90 | | | | | | |
| Membantu ayah/ibu | 23 | 0.2 | 10.8 | 35.6 | 53.4 | 3.42 | .686 |
| | 89 | | | | | | |
| Bila ayah/ibu panggil, anda datang dengan segera | 23 | 0.8 | 23.7 | 44.1 | 31.4 | 3.06 | .760 |
| | 77 | | | | | | |
| Membaca Fatihah (Al ham dullillah hir-abbil....) | 23 | 0.6 | 7.4 | 18.4 | 73.5 | 3.65 | .644 |
| | 91 | | | | | | |
| Membaca Surah An-Nas (Kula'uzubirrabbin-nas...) | 23 | 1.5 | 15.7 | 26.4 | 56.4 | 3.38 | .798 |
| | 94 | | | | | | |
| Membaca Surah Al-Falak (Kul'auzubiraabbil falak..) | 23 | 2.1 | 22.6 | 27.9 | 47.3 | 3.20 | .862 |
| | 85 | | | | | | |
| Membaca Surah Al-Ikhlash (Kulhuwall hu ahad) | 23 | 2.3 | 16.6 | 25.2 | 55.8 | 3.34 | .836 |
| | 83 | | | | | | |
| Membaca Surah Al-Fil (Alam tarakai fafaa' | 23 | 6.2 | 41.7 | 29.7 | 22.5 | 2.68 | .889 |
| | 73 | | | | | | |
| Membaca surah Al-Zilzalah (Izazulzilatil ar dhu zil zalaha..) | 23 | 10.9 | 52.2 | 24.9 | 11.9 | 2.38 | .832 |
| | 80 | | | | | | |
| Membaca Surah Al-Laili (Wallaili iza yaghshya....) | 23 | 14.2 | 54.8 | 20.1 | 10.9 | 2.28 | .838 |
| | 78 | | | | | | |
| Menolong kawan-kawan | 23 | 0.4 | 18.9 | 50.3 | 30.5 | 3.11 | .705 |
| | 98 | | | | | | |
| Membantu sesama kawan | 23 | 0.5 | 16.2 | 48.7 | 34.6 | 3.17 | .706 |
| | 84 | | | | | | |
| Bertanya khabar dengan kawan-kawan | 23 | 2.3 | 30.2 | 39.8 | 27.8 | 2.93 | .817 |
| | 94 | | | | | | |
| Memberi salam bila sampai rumah kawan | 23 | 1.5 | 9.6 | 27.1 | 61.8 | 3.49 | .730 |
| | 88 | | | | | | |
| Tidak berbisik-bisik sesama sendiri semasa dalam kumpulan | 23 | 8.3 | 45.1 | 33.2 | 13.4 | 2.52 | .827 |
| | 84 | | | | | | |
| Memberi peluang kawan pula bercakap | 23 | 1.4 | 21.3 | 46.4 | 30.9 | 3.07 | .757 |
| | 96 | | | | | | |
| Mohon izin dahulu sebelum masuk rumah kawan | 23 | 1.3 | 11.7 | 31.3 | 55.6 | 3.41 | .745 |
| | 87 | | | | | | |
| Bila melawat ke rumah kawan pakai pakaian yang menutup aurat | 23 | 2.6 | 17.0 | 27.1 | 53.3 | 3.31 | .843 |
| | 84 | | | | | | |
| Tidak memandang ke merata tempat bila berada di rumah kawan | 23 | 8.4 | 40.8 | 35.5 | 15.4 | 2.58 | .848 |
| | 82 | | | | | | |
| Makan ketika lapar | 23 | 1.1 | 15.4 | 32.1 | 51.4 | 3.34 | .773 |
| | 87 | | | | | | |
| Berhenti sebelum kenyang | 23 | 5.2 | 39.8 | 34.9 | 20.1 | 2.70 | .847 |
| | 83 | | | | | | |
| Bila naik kenderaan, baca basmillah | 23 | 5.0 | 35.8 | 27.5 | 31.7 | 2.86 | .925 |
| | 86 | | | | | | |
| Bila naik kenderaan, mula dengan langkah kanan | 23 | 3.6 | 35.5 | 30.2 | 30.6 | 2.88 | .890 |
| | 75 | | | | | | |
| Mula berjalan dengan langkah kaki kanan | 23 | 2.4 | 32.9 | | | 2.94 | .859 |
| | 74 | | | | | | |
| Memakai pakaian yang menutup aurat bila keluar rumah | 23 | 2.7 | 22.5 | 28.5 | 46.0 | 3.18 | .874 |
| | 79 | | | | | | |
| Menyesal atas perbuatan dosa yang telah dilakukan | 23 | 0.9 | 17.3 | 42.5 | 39.4 | 3.20 | .749 |
| | 65 | | | | | | |
| Membuat amalan sunat dalam bulan puasa | 23 | 3.5 | 37.3 | 40.4 | 18.8 | 2.74 | .797 |
| | 82 | | | | | | |
| Memberi derma | 23 | 3.1 | 47.1 | 36.1 | 13.6 | 2.60 | .758 |
| | 82 | | | | | | |
| Menunaikan solat zuhur | 23 | 2.7 | 21.2 | 26.0 | 50.1 | 3.24 | .875 |
| | 89 | | | | | | |
| Menjawab akamah/qamat | 23 | 9.0 | 37.0 | 29.7 | 24.2 | 2.69 | .937 |
| | 35 | | | | | | |

| | | | | | | | |
|---|----------|------|------|------|------|------|-----------|
| Berpakaian bersih sebelum hendak keluar menunaikan solat Jumaat | 19 93 | 33.3 | 11.6 | 19.2 | 36.0 | 2.58 | 1.27 7 |
| Mematuhi peraturan sekolah | 23 65 | 0.8 | 22.3 | 46.4 | 30.6 | 3.07 | .745 |
| Menggunakan peralatan sekolah dengan cermat | 23 85 | 0.6 | 16.8 | 44.8 | 37.8 | 3.20 | .729 |
| Menjaga dengan baik harta benda sekolah | 23 85 | 0.5 | 15.3 | 43.3 | 40.9 | 3.25 | .721 |
| Surah Fatihah (Al ham dullillah hirabbil...) | 23 91 | 0.4 | 1.0 | 3.8 | 94.7 | 3.93 | .330 |
| Surah An-Nas (Kula'uzubirabbinnas...) | 23 89 | 1.2 | 2.9 | 8.1 | 87.8 | 3.83 | .522 |
| Surah Al-Falak (Kul'auzubiraabbil falak..) | 23 87 | 2.0 | 7.7 | 20.4 | 70.0 | 3.58 | .717 |
| Surah Al-Ikhlash (Kulhuwall hu ahad) | 23 87 | 1.2 | 2.4 | 6.1 | 90.3 | 3.86 | .495 |
| Surah Al-Ma'un (Araai tallazi yukazzibuddin) | 23 75 | 9.8 | 22.1 | 35.1 | 33.1 | 2.91 | .967 |
| Surah Al-Kuraisy (Li iila fi ghura) | 23 83 | 11.9 | 23.6 | 29.2 | 35.3 | 2.88 | 1.02 5 |
| Surah Al-Kafirun (Kulya aiyuhalkafirun...) | 23 83 | 6.0 | 14.7 | 24.1 | 55.2 | 3.29 | .925 |
| Surah Al-Kauthar (Inna ak' taina kalkausar) | 23 84 | 7.0 | 16.5 | 22.7 | 53.8 | 3.23 | .963 |

Jadual 4: Berdasarkan Jadual Keluk Normal

| Aras | Tahap Cinta Rasulullah | Bilangan | Pertausan (%) |
|------|----------------------------------|----------|---------------|
| 1 | Amat Kurang MenCintai Rasulullah | 76 | 3.2 |
| 2 | Kurang MenCintai Rasulullah | 311 | 12.9 |
| 3 | Cinta Rasulullah | 1616 | 67.2 |
| 4 | Amat MenCintai Rasulullah | 376 | 15.6 |
| 5 | Teramat MenCintai Rasulullah | 25 | 1 |

Jadual 5: Berdasarkan kepada taburan linear dan hubungannya dengan tahap amalan partisipan kepada sunnah Rasulullah. Kekerapan yang tinggi melambangkan kasih sayang yang teguh kepada Rasulullah.

| Aras | Tahap Cinta Rasulullah | Bilangan | Pertausan (%) |
|------|----------------------------------|----------|---------------|
| 1 | Amat Kurang MenCintai Rasulullah | 1 | 0 |
| 2 | Kurang MenCintai Rasulullah | 227 | 9.4 |
| 3 | Cinta Rasulullah | 1973 | 82.1 |
| 4 | Amat MenCintai Rasulullah | 203 | 8.4 |

Cinta Rasulullah Mengikuti Sekolah

Kajian ini mendapati skor mean Cinta Rasulullah adalah pada nilai 3.0002 dengan sisihan piawai 0.37511 yang menggambarkan satu Cinta yang sederhana tinggi juga berdasarkan skala 1 hingga 4, dimana 1 = kurang Cinta Rasulullah dan 4 = Teramat menCintai Rasulullah, dengan nilai ANOVAny, $F(2,2373) = 69.872$, $p < 0.001$. Mereka yang berada di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (min = 3.18, sp = 0.32) menunjukkan Cinta Rasulullah yang amat tinggi sekali berbanding dengan partisipan dari Sekolah Menengah Kebangsaan Harian Biasa (min=2.95, sp=0.38) dan Sekolah Menengah Berasrama Penuh (min=3.09, sp=0.32).

Jadual 6: Skor Mean Cinta Rasulullah Mengikut Jenis Sekolah.

| Jenis Sekolah | N | Mean | Sisihan Piawai |
|-------------------------------|------|------|----------------|
| Sek. Menengah Kebangsaan | 1691 | 2.95 | 0.38 |
| Sek. Men. Kebangsaan Agama | 340 | 3.18 | 0.32 |
| Sek. Menengah Berasrama Penuh | 345 | 3.09 | 0.32 |

Cinta Rasulullah Berdasarkan Jantina

Dari aspek Jantina pula, didapati, partisipan perempuan lebih Cinta Rasulullah berbanding dengan partisipan lelaki. Namun demikian, perbezaan Cinta Rasulullah antara lelaki dan perempuan ini tidaklah boleh dianggap signifikan statistic, kerana ujian t yang dijalankan tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan statistik antara kedua jenis jantina berkenaan. Nilai-t yang didapati adalah $t(2389) = -1.213$, $p > 0.05$.

Jadual 7: skor Mean Cinta Rasulullah Berdasarkan Jantina.

| Jantina | N | Mean | Sp | T | Dk | P |
|-----------|------|--------|--------|---------|------|-------|
| Lelaki | 939 | 2.9886 | 0.3907 | - 1.213 | 2389 | 0.225 |
| Perempuan | 1452 | 3.0077 | 0.3651 | | | |

RUMUSAN:

Selain itu, soal Cinta dan kasih sayang ini ditekankan dalam sebuah hadis Baginda, bermaksud: “*Tidaklah dianggap beriman (tidak sempurna iman) di kalangan kamu sehingga aku lebih diCintainya daripada ibu bapanya, anaknya dan sekalian manusia.*” (Hadis al-Bukhari). Hadis ini membawa mesej yang jelas mengenai hirarki Cinta dan sayang yang harus ada pada diri

kita yang bergelar Muslim. Cinta dan sayang ini harus ditanam bahawa insan yang terlebih dahulu diCintai dan berhak disayangi ialah Rasulullah SAW.

Seperti yang diharapkan oleh pihak KPM, agar semua pelajar sekolah Menengah di Malaysia ini dapat mewarisi perlakuan atau akhlak mulia Rasulullah SAW. Lantaran itulah, jika diperhatikan ‘falsafah pendidikan Islam, adalah selaras dengan kehendak ini. Kini kita telah ada J-QAF, PAFA diperkenalkan di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah. Ini semua adalah bertujuan untuk memastikan agar pengajaran Pendidikan Islam yang di diperkenalkan di sekolah itu dapat dihayati dan diamalkan oleh semua pelajar Islam. Amalan ini diharapkan dapat membentuk Insan kamil yang meletakkan Islam sebagai pedoman hidup mereka dan akan mengurangkan gejala-gejala yang tidak sihat dalam kalangan awal remaja.

RUJUKAN.

Bhasah Abu Bakar, Rosni Samah, Noor Azizi Ismail, Azharuddin Sahil, Maziahtusima Ishak dan Sakinah Ahmad (2010). *Penerapan nilai-nilai Islam dalam kalangan awal remaja*. Kertas Penyelidikan USIM. PPP/FBU-04-10808.

Buwa[‘]inah, Sa[‘]id Muhammad [‘]Ali (2011). *Al-Hujjah al-Balighah fi Bayan Asri Hubb al-Nabi SAW Laday al-Sahabah*. Amman: Dar Maktabah al-Hamid.

Farid, Ahmad (1990). *Al-Hubb Fi Allah wa Huquq al-Ukhuwwah*. Taqdim: Muhammad Ismail. Al-Qaherah: Dar al-[‘]Ulam al-Islamiyyah.

Al-Hilali, Muhammad (2007). *Kaifa Nuhibbu Allah wa Nasytaqu ‘Ilaihi*. Al-Qaherah:

Khaimi, Muhammad (2007). *Falnata[‘] allam Hubbu Rasul Allah*. Dimasyq: Dar al-Qutaybah.

Al-Mahamid, Ahmad Nasib (1996). *Al-Hubb Bayna al-[‘]Abd wa al-Rabb*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu[‘]asir.

Al-Sisi, [‘]Abbas (1998). *Al-Da[‘]wah ‘Ila Allah Hubb*. Al-Qaherah: Dar al-Tawzi[‘] wa al-Nasyr al-Islamiyyah.

Yuslina Mohamed, Zainal Abidin. H, Kauthar A.K. (2013). Quranic miracles in the book of “Syafiah” written by Abdul Qaher Jurjaani. *Global Journal At Thaqafah*, 3(2), 125-132. www.gjat.my.

Zhang R, Cheng G, Chen X (2020) Game-based self-regulated language learning: Theoretical analysis and bibliometrics. *PLoS ONE* 15(12): e0243827. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0243827>

Websites:

<http://mykhilafah.com/sautun-nahdhah/3845-sn335-bagaimana-menCintai-Rasul> (Muat turun 5 Jun 2019)

<http://www.gempak.org/forum/117-tentang-agama/84522-buktikan-diri-Cinta-Rasul.html>
(Muat turun 6 Jun 2019)

Ustaz Zawawi Yusoh <http://myibrah.com/kenapa-patut-Cinta-Rasul-s-a-w>